

KL-Manila perkasa industri halal

2 negara manfaat potensi sedia ada, fokus tembusi pasaran Asia Barat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Promosi industri halal Malaysia dan Filipina untuk menembusi pasaran Asia Barat serta usaha membangunkan Wilayah Autonomi Bangsamoro, antara tumpuan perbincangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Ferdinand Marcos Jr, di sini semalam.

Bagi mempromosi industri halal, kedua-dua negara memiliki potensi, terutama dalam aspek pensijilan halal, namun perlu mengambil langkah untuk memastikan sektor itu dapat menembusi dengan lebih efektif di pasaran negara Asia Barat.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia dan Filipina perlu mengambil langkah lebih efektif mempromosikan industri halal yang semakin berkembang untuk menembusi pasaran di Asia Barat kerana kedua-dua negara memiliki potensi dalam industri berkenaan.

"Kami menyentuh potensi industri halal antara kedua-dua negara, terutama dalam aspek pensijilan halal.

"Bagaimanapun, saya berpandangan kita perlu mengambil langkah untuk memastikan sektor halal ini dapat menembusi dengan lebih efektif di pasaran negara Asia Barat," kata Anwar.

Bercakap pada sidang media bersama Presiden Filipina sempena lawatan rasmi Marcos Jr ke

Malaysia semalam, Anwar berkata, pada perbincangan itu, mereka juga menyentuh usaha memperkasakan hubungan bilateral, terutama berkaitan perdagangan dan pelaburan.

Katanya, kekuatan hubungan antara kedua-dua negara memberi lebih ruang dan peluang untuk meneroka potensi yang ada dengan Filipina mempunyai kekuatan ekonomi tersendiri dalam kapasiti sektor perniagaan.

"Saya berpandangan komuniti perniagaan perlu bersama mengambil peluang mengembangkan lagi hubungan bilateral serta ekonomi dan pada masa sama, menghidupkan semula ekonomi kita pasca pandemik COVID-19.

"Kami juga mengambil maklum ada perkembangan baik pasca COVID-19 di Filipina dan di bawah pentadbiran presidennya.

"Kami semestinya akan mengambil peluang untuk meningkatkan lagi kerjasama ini," katanya.

Sentuh isu kemanusiaan

Perdana Menteri berkata, beliau dan Marcos Jr turut menyentuh isu Myanmar, terutama berhubung isu kemanusiaan dan layanan kepada etnik minoriti Rohingya.

"Biarpun wujud konsensus dalam kalangan negara ASEAN untuk mengadakan libat urus rasmi, ia tidak harus mengorbankan isu kemanusiaan. Akhir sekali, isu yang kami sentuh mengenai suruhanjaya bersama yang akan bertemu hujung tahun ini.

"Ada beberapa perjanjian persefahaman yang kami berdua bersetuju untuk mempercepatkan prosesnya," kata Anwar sambil menyifatkan lawatan rasmi Marcos Jr ke negara ini sebagai unik dan bermakna kepada seluruh rakyat Malaysia.

"Malaysia dan Filipina memiliki hubungan bilateral yang panjang dan kehadiran Presiden Marcos Jr ke Malaysia amat bermakna kepada kami kerana kita mempunyai sejarah perhubungan yang panjang dari segi budaya dan sebagainya," katanya.

Berkaitan Wilayah Autonomi Bangsamoro, Filipina dan Malaysia komited mengkoordinasi usaha membangunkan kawasan di selatan Filipina itu sebagai antara inisiatif memperkasakan hubungan bilateral antara kedua-dua negara.

Marcos Jr berkata, antara sektor yang boleh diteroka bersama seperti industri halal, perbankan Islam dan keselamatan makanan.

"Malaysia menawarkan kepakarannya untuk melatih pegawai dan kakitangan Filipina bagi memperkasakan lagi kebolehan dalam sektor penting yang semakin berkembang ini.

"Kami juga bersetuju meningkatkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan antara satu sama lain.

"Malaysia menjadi antara negara peneraju dalam ekonomi halal di dunia dan kerjasama ini berupaya memberi faedah serta kebaikan kepada pertumbuhan ekosistem halal masing-masing," katanya.

Katanya lagi, Filipina dan Malaysia turut bersetuju meneroka lebih banyak sinergi bagi perkongsian masa depan menerusi mesyuarat suruhanjaya bersama yang dijangka Oktober depan.

Menurutnya, mesyuarat itu akan membolehkan agensi kerajaan kedua-dua negara mengadakan perbincangan lebih terperinci, terutama aspek jenayah rentas sempadan, pertanian, industri halal, perbankan Islam, pendidikan, pelancongan, budaya, sukan serta ekonomi digital.